

24 JUL 2002

TRAGEDI KG MEDAN: MAJLIS PEGUAM DIGESA TEMUI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Seorang peguam hari ini menggesa Majlis Peguam mengatur pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau menulis kepada Perdana Menteri mencadangkan supaya disegerakan penubuhan suruhanjaya siasatan diraja mengenai tragedi Kampung Medan.

P.Uthayakumar turut menggesa Majlis Peguam mengadakan perjumpaan dengan pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) Tan Sri Abu Talib Othman untuk mendesak diadakan siasatan awam bagi mengenal pasti punca tragedi itu.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan berhubung Resolusi No 5 (f) Badan Peguam Malaysia mengenai tragedi itu yang dicadangkan beliau dan disokong seorang bernama M. Manogar dan 11 lagi anggota badan itu pada mesyuarat agung Badan Peguam itu 23 Mac lepas.

"Kami juga merayu Majlis Peguam supaya mengambil pendirian yang lebih pro aktif, ikhlas dan serius sebagai penjaga dan pemelihara keadilan dan hak asasi manusia bagi semua rakyat Malaysia," kata Uthayakumar yang juga setiausaha agung pro tem Parti Reformasi Insan Malaysia (PRIM).

Enam orang mati dan beberapa lagi cedera dalam pergaduhan antara dua kumpulan di Kampung Medan dekat Jalan Klang Lama pada Mac tahun lepas.

-- BERNAMA

JA ZS RON